

**PANDANGAN HUKUM SYARAK BERKAITAN
STATUS ZAKAT BAGI PEMILIKAN EKUITI
(SYARIKAT) YANG DIGADAIKAN DAN
AKAUN REZAB PERKHIDMATAN HUTANG
(DEBT SERVICE RESERVE ACCOUNT/DSRA)**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-3/2019 yang bersidang pada 28 Syawwal 1440H bersamaan 2 Julai 2019 memutuskan:

- (1) Status Zakat Bagi Pemilikan Ekuiti (Syarikat) Yang Digadaikan:

PLC wajib mengeluarkan zakat perniagaan (kaedah modal kerja/ modal berkembang), walaupun seluruh saham/ ekuiti pegangan pemilik substantial telah digadaikan, selagi mana harta itu masih menjadi milik sempurna (الملك التام).

- (2) Akaun Rezab Perkhidmatan Hutang (*Debt Service Reserve Account/ DSRA*):

Wang Debt Service Reserve Account (DSRA) tidak dikenakan zakat kerana bukan milik sempurna (الملك الناقص). Manakala *Roll-Over Fixed Deposit* (ROFD) diwajibkan zakat kerana ia adalah milik sempurna (الملك التام).

Status: Tidak Warta

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID

Pengerusi Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor